Dream Cruises Meraikan *Mrs. Malaysia Tourism Pageant 2026* di Atas Kapal Genting Dream.



15 Jun 2026: Para peserta Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026 mempersembahkan bakat mereka di hadapan para tetamu, di atas kapal Genting Dream15 June 2026.

16 June 2026 (Kuala Lumpur) – Para tetamu yang berlayar bersama kapal persiaran ***Genting Dream*** baru-baru ini menikmati pengalaman istimewa apabila berpeluang menyaksikan persembahan bakat para peserta ***Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026*** dalam satu segmen pertandingan bakat eksklusif yang berlangsung di atas kapal. Dianjurkan menerusi kerjasama antara **Dream Cruises** dan ***Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026***, acara tersebut bukan sahaja mempamerkan keyakinan, kreativiti dan bakat para peserta, malah turut menambahkan kemeriahan rangkaian aktiviti khas **sempena sambutan ulang tahun ke-10 Dream Cruises**.

Acara eksklusif ini menampilkan **10 peserta *Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026*** bersama barisan juri terkenal, wakil media, serta para tetamu yang berpeluang menyaksikan pertandingan bakat tersebut secara langsung dalam suasana eksklusif di atas kapal persiaran Genting Dream.

Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026 merupakan platform yang meraikan wanita berkahwin yang berjaya dan berinspirasi dalam pelbagai bidang, termasuk pelancongan, budaya, khidmat masyarakat serta pencapaian peribadi. Selain mengetengahkan bakat dan keyakinan diri para peserta, pertandingan ini turut memainkan peranan dalam mempromosikan keunikan warisan dan tarikan pelancongan Malaysia kepada khalayak yang lebih luas.

Di atas Genting Dream, para perserta berpeluang mempamerkan bakat dan kreativiti masing-masing dalam segmen pertandingan bakat yang dinilai oleh panel juri berpengalaman yang terdiri daripada Christinna Kuan (usahawan, personaliti media dan ikon fesyen), Peter Choo (Pengarah Artistik TDCKL Dance Production serta koreografer rasmi Sukan SEA dan ASTRO), Double Medrano (jurulatih vokal dan pengarah muzik The Singing Shop), Datin Ima Manoharan (isteri kepada Datuk Manoharan Periasamy, Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia), serta Kapten Johan Bohman dari *Genting Dream*.

"Di Dream Cruises, kami sentiasa berusaha memperkenalkan pengalaman baharu yang mampu memberikan nilai tambah kepada percutian para tetamu. Kami berbesar hati dapat mengalu-alukan Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026 ke atas Genting Dream dan menyokong platform yang meraikan keyakinan, bakat serta inspirasi. Sempena ulang tahun ke-10 Dream Cruises, kerjasama ini mencerminkan komitmen kami untuk terus menawarkan pengalaman gaya hidup, hiburan dan budaya yang unik kepada para tetamu," kata **Michael Goh, Presiden StarDream Cruises**.

"Kekuatan sebenar seorang wanita sering terpancar dalam kelembutan dan keteguhan dirinya. Ia terserlah melalui keanggunan, disiplin, kebijaksanaan serta cara beliau mengangkat warisan budaya dengan penuh maruah dan keyakinan. Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026 bukan sekadar pertandingan kecantikan, tetapi sebuah platform yang meraikan wanita yang menggambarkan semangat, nilai dan kepelbagaian budaya Malaysia," kata Datin Christine Mary Lim, Miss Malaysia World 1977 dan penganjur Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026.

Pertandingan bakat ***Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026*** merupakan antara pelbagai program istimewa yang kini ditawarkan di atas Genting Dream. Ia melengkapkan rangkaian acara bertemakan khas yang merangkumi penampilan selebriti, program mesra keluarga, sambutan kebudayaan serta persembahan hiburan eksklusif. Antaranya termasuk produksi baharu **Forever Broadway**, acara popular **Red Carpet Gala**, serta sambutan K-pop yang bakal menampilkan **Amotti pada bulan Julai** dan **KIIRAS pada bulan Oktober**, sekali gus memperkayakan pengalaman percutian para tetamu.

Dengan pelbagai sajian bertaraf antarabangsa, hiburan yang menghiburkan, pelbagai kemudahan mesra keluarga serta acara eksklusif seperti ***Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026***, *Genting Dream* terus mengukuhkan kedudukannya sebagai antara pilihan utama pelayaran di Asia. Ia menawarkan pengalaman percutian yang istimewa dan sukar dilupakan kepada para tetamu.

Untuk maklumat lanjut mengenai jadual pelayaran Genting Dream dan acara khas yang akan datang, layari **www.StarDreamCruises.com** atau hubungi ejen pelancongan pilihan anda.

	Sebagai tanda penghargaan, Kapten Johan Bohman dari *Genting Dream* menyampaikan cenderamata kenangan kepada Datin Christine Mary Lim, sempena majlis pembukaan pertandingan bakat Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026.

	Datin Christine Mary Lim memeriahkan pembukaan acara dengan persembahan tarian penuh bertenaga.
	Kapten Johan Bohman (paling kiri), Datin Christine Mary Lim (paling kanan), Miss Malaysia World 1977, dan Datuk Manoharan Periasamy, Pengerusi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (kedua dari kanan), bergambar bersama 10 peserta Mrs Malaysia Tourism Pageant 2026.

StarDream Cruises: The Cruise Line that Knows Asia Best.

Officially launched on 26 March 2025, **StarDream Cruises** combines over three decades of cruising expertise, ushering in a new era of extraordinary voyages across Asia and beyond. The cruise line introduces two iconic brands — **StarCruises** and **Dream Cruises** — each offering a distinct experience that honours the legacy of their predecessors while elevating the standard for world-class cruising in Asia.

StarCruises brings affordable, lifestyle-driven cruising to the Asian market with intimate, mid-sized ships that accommodate up to 2,000 guests, offering a more personal cruising experience across Southeast and East Asia aboard the *Star Voyager* and *Star Navigator* cruise ships. Meanwhile, **Dream Cruises** redefines luxury cruising with expansive ships that cater to more than 3,000 guests, offering exclusive privileges and premium amenities. The Genting Dream, Dream Cruises' flagship, is homeported in Singapore year-round, sailing to various destinations across Southeast Asia.

With decades of experience in hospitality and cruising, StarDream Cruises is set to redefine the cruise experience, catering to a diverse range of markets, offering tailored experiences that appeal to various demographic segments.

For media enquiries, please contact:-

(Mr) Ong Hsieh Lien
ong.hsiehlien@stardreamcruises.com

(Ms) Cherry Yip
cherry.yip@stardreamcruises.com

(Ms) Mandy Lam
mandy.lam@stardreamcruises.com